

SISTEM KHIDMAT NASIHAT KEUSAHAWANAN (eUsahawan)

ALVIANNEY ALPHONSUS
IBRAHIM MOHAMED

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan) merupakan sistem yang dibangunkan untuk pelajar, pensyarah atau kaunselor dan admin yang bekerja di Jabatan Taman Inovasi, Fakulti Teknologi Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuan sistem ini dibangunkan adalah untuk menyediakan cadangan nasihat kepada kaunselor agar dapat memudahkan pensyarah atau kaunselor memberi khidmat nasihat keusahawanan secara atas talian kepada pelajar. Seterusnya, adalah untuk mendedahkan platform digital yang dapat memberi manfaat kepada pelajar untuk mendapat nasihat dan bimbingan dalam bidang keusahawanan. Modul nasihat yang terdapat dalam sistem eUsahawan ini mengandungi nasihat oleh pakar dalam bidang keusahawanan, dengan perolehan pengetahuan adalah daripada pakar bidang ini. Pertanyaan yang dilakukan oleh pelajar akan diakses oleh kaunselor tertentu dan kaunselor tersebut akan memberi nasihat berdasarkan hasil carian kata kunci dan nasihat berdasarkan pertanyaan pelajar. Dengan pembangunan sistem eUsahawan ini, diharapkan dapat memudahkan kaunselor dan pelajar berinteraksi tanpa had masa dan tempat, dan juga dapat membantu pelajar dalam mendapat nasihat yang berkualiti melalui perolehan nasihat daripada pakar yang disimpan dalam pangkalan data sistem. Sistem ini dibina menggunakan Bahasa pengaturcaraan C# dengan menggunakan rangka kerja ASP .NET, manakala pangkalan data yang digunakan adalah SQL Server.

1 PENGENALAN

eUsahawan merupakan satu platform digital bagi membantu usahawan untuk mengembangkan perniagaan. Sistem khidmat nasihat keusahawan adalah satu kaedah nasihat dan bimbingan secara atas talian untuk membantu menyelesaikan masalah atau meningkatkan keupayaan dan potensi seorang usahawan sama ada baru atau usahawan yang berpengalaman untuk mempelajari selok belok perniagaan. Menurut Nor Zaini Abu Kassim, Timbalan Pengarah 1, Bahagian Perniagaan MARA, khidmat nasihat ini dapat membantu para usahawan untuk menyemai keyakinan diri dan bagaimana untuk menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam perniagaan (BERNAMA 2016).

Beberapa kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang membawa kejayaan atau kegagalan seseorang dalam bidang keusahawanan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohd Hassan (2007), kegagalan usahawan dalam perniagaan disebabkan tiadanya faktor-faktor pendorong yang menjamin pembangunan produktiviti dalam sektor yang diceburi. Faktor yang dimaksudkan ialah penglibatan semua pihak untuk menyokong secara langsung atau tidak langsung dalam perkembangan sesuatu sektor perniagaan adalah rendah. Hal ini kerana,

ketiadaan sistem yang kukuh, teratur dan berkesan kepada usahawan dan juga pelajar untuk mendapat sokongan sumber maklumat dan nasihat tentang perniagaan. Oleh itu, Khidmat nasihat dan latihan yang betul berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan sekaligus menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam persekitaran perniagaan yang mencabar (Azmi et al 2012).

Menurut Rohaizat (2001), terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan kurangnya penglibatan usahawan dalam bidang keusahawanan ini, iaitu kekurangan modal, kos tetap yang tinggi dan kemelesetan ekonomi. Selain itu, menurutnya lagi terdapat golongan usahawan dari kalangan graduan yang tidak terlibat dalam bidang keusahawanan ini kerana kurangnya ilmu keusahawanan untuk membantu semasa bermiaga. Oleh itu, sistem khidmat nasihat sangat diperlukan oleh usahawan pada masa kini untuk membantu menerapkan ilmu keusahawanan kepada usahawan.

Kemajuan teknologi pada masa kini termasuk teknologi berasaskan web dan aplikasi mudah alih telah membuatkan eUsahawan yang berkesan dan mudah untuk membantu usahawan melaksanakan perniagaan. Oleh itu, sebuah sistem khidmat nasihat keusahawanan yang menggunakan teknologi terkini harus dibangunkan untuk membantu pensyarah bidang keusahawan atau kaunselor untuk mempermudahkan memberi bantuan khidmat nasihat kepada usahawan dan pelajar.

2 PENYATAAN MASALAH

Antara pemasalahan yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah proses khidmat nasihat keusahawanan masih secara manual. Sebelum ini, usahawan tidak dapat berhubung secara atas talian dengan kaunselor untuk mendapat khidmat nasihat tentang perniagaan. Sebaliknya, medium perhubungan yang sering kali digunakan untuk memberikan khidmat nasihat adalah melalui e-mel, surat, telefon, klinik usahawan, pameran dan lawatan sendiri oleh usahawan ke pejabat. Menurut kajian yang dijalankan oleh Sharina et al (2013), sebanyak 72.2% usahawan mendapat khidmat nasihat dengan datang sendiri ke pejabat, diikuti melalui panggilan telefon, e-mel, lawatan ke premis dan surat. Menurutnya juga, semasa sesi khidmat nasihat antara usahawan dengan pegawai berlangsung, usahawan akan menceritakan masalah teknikal yang dihadapi dan pegawai berlangsung akan membantu menyelesaikan masalah mereka dengan memberi pandangan dan cadangan.

Selain itu, menurut salah satu kaunselor dibahagian khidmat nasihat keusahawanan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Serdang, proses pendaftaran masih

dibuat secara tradisional iaitu usahawan kena mengisi maklumat peribadi ke dalam borang yang disediakan dan borang tersebut akan disimpan ke dalam fail. Beliau juga ada mengatakan segala maklumat peribadi usahawan dan urusan khidmat nasihat masih disimpan dalam cara sistem fail. Oleh sebab itu, terdapat beberapa risiko yang akan dihadapi antaranya ialah seperti kehilangan fail dan maklumat usahawan.

Fasa pertama dalam kitaran perniagaan merupakan peringkat awal dalam perniagaan. Menurut Barrett (2006), kekurangan bimbingan mentor dalam fasa ini, membolehkan usahawan mendapat kekurangan sumber yang diperlukan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Selain itu, kekurangan keberkesanan diri, pengetahuan perniagaan dan pengalaman juga menimbulkan cabaran kepada usahawan pada fasa ini (Balcean & Ooghe, 2006)

3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif projek ini adalah untuk membangunkan sebuah Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan) yang menggunakan teknologi terkini yang sesuai dipaparkan di semua skrin peranti secara atas talian dengan:

1. Pemerolehan pengetahuan pakar mengenai khidmat nasihat keusahawanan
2. Mengkaji sistem khidmat nasihat keusahawanan berdasarkan web.
3. Membangunkan prototaip sistem eUsahawan dengan menggunakan teknologi terkini


4 METOD KAJIAN

Memandangkan sistem yang dibangunkan masih dalam kajian dan masih memahami keperluan dan fungsi sistem, maka model proses yang sesuai untuk membangunkan sistem khidmat nasihat keusahawanan ialah *Evolutionary Prototyping*. Model proses ini adalah satu idea yang sesuai untuk sistem ini kerana sebelum ini belum ada sistem sedia ada yang dapat membantu menentukan keperluan sistem.

Model prototaip (Rajah 1.1) adalah satu kaedah pembangunan sistem di mana prototaip dibina, diuji, dan kemudian diolah sehingga mendapatkan versi prototaip sistem yang diterima dan boleh dibangunkan kepada sistem sebenar. Tujuan model ini digunakan adalah untuk memberi gambaran awal terhadap fungsi-fungsi dan antara muka sistem sebenar yang akan dibangunkan kepada pihak yang berkepentingan. Selain itu juga, model ini digunakan ialah untuk mendapat maklum balas daripada pihak berkepentingan dalam pembangunan prototaip

untuk menghasilkan satu sistem yang boleh diterima dan digunakan. Jadi dengan menggunakan model proses ini membolehkan sistem yang dibangunkan mengikut kehendak dan keperluan pengguna akhir sistem itu sendiri.

Model proses ini juga mempunyai beberapa persamaan seperti model proses yang lain seperti fasa analisis, fasa keperluan, fasa rekabentuk dan fasa pelaksanaan. Model proses ini berbeza dengan dengan model proses lain ialah model ini hanya *Evolutionary Prototyping* yang telah dibangunkan, iaitu tidak digunakan pada sistem yang sebenar. Setelah mendapat maklum balas, kehendak dan keperluan yang mencukupi daripada pihak berkepentingan, maka model prototaip ini akan diperbaiki lagi seterusnya dibangunkan untuk menjadi sistem yang sebenar. Oleh itu, objektif model proses ini adalah untuk memahami keperluan pengguna, memastikan reka bentuk asas perisian yang akan digunakan dan mentakrifkan semua kehendak pengguna yang boleh disahkan apabila perisian ini dibangunkan. Rajah 1 menunjukkan model *Evolutionary Prototyping*.




Rajah 1 Model *Evolutionary Prototyping*.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincang hasil daripada proses pembangunan sistem khidmat nasihat keusahawanan (eUsahawan). Penerangan secara keseluruhan tentang rekabentuk dan pembangunan sistem yang telah dihasilkan dalam projek ini diperihalkan.

Rajah 2 menerangkan secara umum berkenaan proses pergerakan sesuatu maklumat yang terlibat dalam Sistem eUsahawan. Terdapat tiga entiti yang terlibat di dalam sistem ini iaitu kaunselor, pelajar dan admin. Setiap entiti tersebut mempunyai fungsi yang berbeza. Kaunselor merupakan salah satu pengguna utama dalam sistem ini yang berperanan dalam menguruskan pertanyaan daripada pelajar serta memberi khidmat nasihat dengan menggunakan modul khidmat nasihat. Selain itu, pelajar juga merupakan salah satu pengguna utama dalam sistem ini. Pelajar boleh membuat pertanyaan secara atas talian, mengemaskini maklumat peribadi serta mendapatkan nasihat secara atas talian. Admin pula merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mengemaskini modul nasihat dan pengguna dalam sistem ini. Modul nasihat terdiri daripada dua kategori iaitu kata kunci dan nasihat.



Rajah 2 Rajah Konteks sistem eUsahawan

Bermula daripada Rajah 3 merupakan antaramuka laman utama Sistem eUsahawan, iaitu log masuk bagi pengguna. Seterusnya Rajah 4 laman pendaftaran bagi pengguna iaitu pelajar. Setelah daftar masuk ke dalam sistem, sistem akan mengarah laman mengikut jenis pengguna samada kaunselor, pelajar atau admin. Pada Rajah 5 sehingga Rajah 9 adalah antaramuka sistem yang akan digunakan oleh Pelajar. Seterusnya, pada Rajah 10 sehingga Rajah 15 adalah antaramuka sistem yang akan digunakan oleh Kaunselor. Manakala, pada Rajah 16 sehingga Rajah 19 adalah antaramuka sistem yang akan digunakan oleh admin.



Rajah 3 Laman Utama Sistem eUsahawan

The screenshot shows the user registration page. The header 'Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)' is at the top. Below it are links for 'Laman Utama', 'Mengenai Kami', and 'Hubungi Kami'. The main area has a heading 'Sila Daftar Di Sini !' followed by a form with fields for 'Nama Pengguna', 'Kata Laluan', 'Sahkan Kata Laluan', 'Nama Penuh', 'No. Kad Pengenalan', 'No. Telefon', 'e-Mail', 'Fakulti' (selected 'FTSM'), and a 'Daftar' button.

Rajah 4 Laman Daftar Pengguna



Rajah 5 Laman Menu Pelajar

The screenshot shows the update information page. The header 'Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)' is at the top. Below it are links for 'Laman Utama', 'Mengenai Kami', and 'Hubungi Kami'. The main area has a heading 'Kemaskini Maklumat Anda Disini !' followed by a form with fields for 'Nama Pengguna' (caroline), 'Kata Laluan' (caroline), 'Nama Penuh' (Caroline Lazarus), 'No. Kad Pengenalan' (929923229222), 'No. Telefon' (0199999999), 'e-Mail' (carol@gmail.com), 'Fakulti' (selected 'FEP'), and a 'Kemaskini' button.

Rajah 6 Laman Kemaskini Maklumat



Rajah 7 Laman Pertanyaan Pelajar

The screenshot shows the question review page. The header 'Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)' is at the top. Below it are links for 'Laman Utama', 'Mengenai Kami', and 'Hubungi Kami'. The main area displays a table of questions:

ID	Counsellor	Pertanyaan	Nasihat Kaunselor	Tarikh/Masa
15	Kaunselor1	ada modal tapi tidak ada penggetahuan	1. Pilih perniagaan yang anda minati. 2. Buat survey dalam bidang perniagaan yang anda pilih untuk mendapat permintaan daripada orang luar. 3. Buka perniagaan secara kecil-kecilan terlebih dahulu dan cuba untuk berkembang.	4/30/2017 12:37:59 PM Kemaskini
1015	Kaunselor1	Tiada modal	Dapatkan bantuan daripada agensi kerajaan seperti berikut: 1. TEKUN Nasional 2. MARA 3. SEED Selain itu, dapatkan bantuan daripada bank yang berstatisus SME seperti Bank Rakyat dan SME Corp.	5/13/2017 7:03:25 PM Kemaskini

© 2017 - Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

Rajah 8 Laman Semak Pertanyaan



Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

[Laman Utama](#)[Mengenai Kami](#)[Hubungi Kami](#)

SEMAK PROFIL SEMAK PERTANYAAN KHIDMAT NASIHAT LAPORAN

[Log Keluar](#)

© 2017 - Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

Rajah 9 Laman Menu Kaunselor



Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

[Laman Utama](#)[Mengenai Kami](#)[Hubungi Kami](#)

Semak Nasihat

modal Cari

ID	Sympтом	Nasihat	Papar
13	Tiada modal	Dapatkan bantuan daripada agensi kerajaan seperti berikut: 1. TEKUN Nasional 2. MARA 3. SEED Selain itu, dapatkan bantuan daripada bank yang berstatus SME seperti Bank Rakyat dan SME Corp.	Papar
14	Ada modal tetapi tiada idea	1. Pilih perniagaan yang anda minat 2. Buat survei dalam bidang perniagaan yang anda pilih untuk melihat permintaan daripada orang luar. 3. Buka perniagaan secara kecil-kecilan terlebih dahulu dan cuba untuk berkembang.	Papar
		PERTANYAAN	

© 2017 - Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

Rajah 10 Laman Carian Nasihat



Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

[Laman Utama](#)[Mengenai Kami](#)[Hubungi Kami](#)

ID	Student	Pertanyaan	Nasihat Kaunselor	Tarikh/Masa
15	Caroline Lazarus	ada modal tapi tidak ada pengetahuan	1. Pilih perniagaan yang anda minat 2. Buat survei dalam bidang perniagaan yang anda pilih untuk melihat permintaan daripada orang luar. 3. Buka perniagaan secara kecil-kecilan terlebih dahulu dan cuba untuk berkembang.	4/30/2017 12:37:59 PM Kemaskini
1015	Caroline Lazarus	Tiada modal	Dapatkan bantuan daripada agensi kerajaan seperti berikut: 1. TEKUN Nasional 2. MARA 3. SEED Selain itu, dapatkan bantuan daripada bank yang berstatus SME seperti Bank Rakyat dan SME Corp.	5/13/2017 7:03:25 PM Kemaskini

© 2017 - Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

Rajah 11 Laman Semak Pertanyaan



Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

[Laman Utama](#)[Mengenai Kami](#)[Hubungi Kami](#)


Kemaskini Pertanyaan

Pertanyaan : ada modal tapi tidak ada pengetahuanNasihat Kaunselor : 1. Pilih perniagaan yang anda minat 2. Buat[Semula](#)[Hantar](#)

Rajah 12 Laman Nasihat Kaunselor



Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

[Laman Utama](#)[Mengenai Kami](#)[Hubungi Kami](#)

Rajah 13 Paparan Laporan



Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

[Laman Utama](#)[Mengenai Kami](#)[Hubungi Kami](#)

DAFTAR KOUNSELOR



KEMASKINI PENGGUNA



TAMBAH NASIHAT



KEMASKINI NASIHAT

[Log Keluar](#)

© 2017 - Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan (eUsahawan)

Rajah 14 Laman Menu Admin

Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan
(eUsahawan)

Laman Utama Mengenai Kami Hubungi Kami

Sila Daftar Di Sini !

Nama Pengguna
Kata Laluan
Sahkan Kata Laluan
Nama Penuh
No. Kad Pengenalan
No. Telefon
e-Mail
Fakulti

Daftar

Rajah 15 Laman Daftar Kaunselor

Sistem Khidmat Nasihat Keusahawanan
(eUsahawan)

Laman Utama Mengenai Kami Hubungi Kami

Tambah Nasihat

Kata Kunci
Nasihat

Tambah

Rajah 16 Laman Kemaskini Modul Nasihat

6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Sistem eUsahawan ini telah dibangunkan mengikut keperluan yang diingini. Objektif dan perkara asas telah berjaya dicapai walaupun masih mempunyai beberapa kelemahan yang perlu dibaiki. Oleh itu diharapkan dengan menggunakan kekurangan dan cadangan penambahaikan sistem, pembangun sistem akan datang dapat menambahbaik sistem yang sedia ada.

RUJUKAN

- Barrett, R. (2006). Small business learning through mentoring: evaluating a project. *Education + Training* 48(8), 614-656. doi 10.1108/0040091061 0710047
- BERNAMA. 2016. *Berita Harian Online*, 4 Julai 2016. Mara Tawar Pembiayaan, Nasihat Kepada Usahawan ‘Food Truck’. <http://www.bharian.com.my/node/171269> [15 Oktober 2016]
- Balcaen, S., & Ooghe, H. (2006). 35 years of studies on business failure: An overview of the classic statistical methodologies and their related problems. *The British Accounting Review*, 38(1), 63–93. doi:10.1016/j.bar.2005.09.001
- Mohd. Hassan Bin Mohd. Osman. 2007. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Kredit Mikro Di Negeri Johor*. Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhamad Fadir Ibrahim (2012). *Cabar Golongan Belia Menceburi Bidan Keusahawanan Kajian Kes: Parit Raja, Batu Pahat Johor*. Ijazah sarjana thesis, Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Portal MDEC. Apa itu Program eUsahawan?.
<http://www.mdec.my/eusahawan/eusahawan.html> [25 Disember 2016]

Rohaizat Baharum. 2002. “*Kejayaan atau Kegagalan dalam Perniagaan*”. Dewan Ekonomi. Jun 2001. m/s 36- 38.

Sharina Shamsudin, Zaiha Zeeti Mohamad Yusob, Mohd Nizam Mohd Nizat, Rozhan Abu Dardak dan Che Rohani Awang. 2013. Khidmat Nasihat Teknikal MARDI Bantu Pembangunan PKS. Economic and Technology Management Review, Vol. 8(2013):153-163

Copyright@FTSM